

16 JAN 2002

Tioman

TIOMAN DAPAT TARAF BEBAS CUKAI

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa Pulau Tioman akan mendapat taraf bebas cukai bagi menarik pelancong.

"Ya, Pulau Tioman akan menjadi pulau bebas cukai," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita pada majlis Hari Raya Pusat Kebudayaan dan Seni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Serdang hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar New Straits Times hari ini yang mengatakan kabinet minggu lepas telah meluluskan cadangan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai seperti Langkawi dan Labuan.

Laporan yang memetik sumber itu berkata langkah itu bertujuan menjadikan Tioman setanding dengan Pulau Batam dan Bintan di Indonesia yang berjaya menarik pelancong Singapura.

"Menjadikan Tioman sebuah pulau bebas cukai akan meningkatkan kemasukan pelancong dan pendapatan," kata sumber itu.

Ditanya sama ada Al-Qaeda dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mempunyai hubungan, Dr Mahathir berkata apa yang kerajaan tahu ialah anggota kumpulan militan Malaysia dilatih di Afghansitan oleh orang yang sama.

"Kita tidak tahu, kecuali kamu menganggap latihan di tempat yang sama mempunyai hubungan," katanya.

Dr Mahathir berkata KMM dan Al-Qaeda beroperasi secara sayap yang berasingan dengan program dan sasaran sendiri, dan oleh itu, objektif mereka mungkin berbeza.

Mengenai laporan yang mendakwa ada tempat di negara ini dijadikan pusat melatih penganas, Dr Mahathir berkata perkara itu masih disiasat dan pihak berkuasa tidak mempunyai cukup maklumat untuk mengesan kedudukan tempat seumpama itu.

-- BERNAMA

RZS ZS LAT